

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 ( 32 )

27 September 2023  
11 Rabiulawal 1445

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 47/2023

### **PENSTRUKTURAN DAN PENJENAMAAN SEMULA PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (UTM QRiM) KEPADA PUSAT AKREDITASI UTM (UTM ACe)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 16/2023 pada 19 September 2023 bersetuju meluluskan penjenamaan Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (UTM QRiM) kepada **Pusat Akreditasi UTM (UTM Accreditation Centre, UTM ACe) berkuatkuasa 1 Oktober 2023.**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 1/2023 pada 10 Januari 2023 telah meluluskan cadangan penstrukturan dan penjenamaan semula Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (UTM QRiM) dengan melibatkan perpindahan beberapa fungsi sedia ada ke entiti bersesuaian bagi memperkasakan fungsi pengurusan risiko, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK-UTM), pengurusan kualiti program akademik dan pengurusan akreditasi program akademik di UTM. Penempatan baharu bagi fungsi-fungsi tersebut adalah secara berfasa dan dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Oktober 2023.

	<b>Fungsi / Unit</b>	<b>Penempatan Entiti Baharu</b>
i.	Kualiti Akademik	Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
ii.	Sistem Pengurusan Kualiti (SPK-UTM)	Jabatan Pendaftar
iii.	Pengurusan Risiko	Pejabat Pengurusan Strategi & Hal Ehwal Korporat Jabatan Canseleri
iv.	Akreditasi Program Akademik	Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe)
v.	Korporat QRiM	Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe)

3. Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe) akan beroperasi dengan struktur dan fungsi baharu berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2023. Alamat surat-menyurat dan lokasi UTM ACe adalah seperti berikut:

<b>UTM JOHOR BAHRU</b>	<b>UTM KUALA LUMPUR</b>
Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe) Jabatan Canseleri Universiti Teknologi Malaysia Aras 3 Bangunan Dewan Sultan Iskandar 81310 UTM Johor Bahru Johor	Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe) Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur Blok PA2 Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid 54100 Jalan Sultan Yahya Petra Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

4. Semua staf diminta mengambil maklum berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah